

16 DEC 1996
Sukom-trafik
MASALAH LALU LINTAS DIBERI PERHATIAN SERIUS

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Masalah lalu lintas di ibu negara mendapat perhatian serius pada mesyuarat Majlis Tertinggi Sukan Komanwel (Sukom) di sini Sabtu lepas, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, mesyuarat tertutup itu yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membincangkan dengan serius masalah itu yang mungkin menjadi salah satu daripada faktor yang akan mengganggu kelicinan temasya Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 itu nanti.

Katanya, Perdana Menteri menyifatkan masalah lalu lintas sebagai faktor besar yang perlu dipandang serius oleh Sukom.

"Perdana Menteri mengarahkan agar kajian terperinci dijalankan bagi mengatasi kemungkinan itu untuk mengelakkan ketidak selesaian baik kepada penonton mahupun atlit yang akan terlibat dalam temasya itu," kata Muhyiddin selepas perasmian pejabat sekretariat Projek Malaysia-Everest '97 hari ini.

Dr Mahathir juga memberi arahan untuk melihat keberkesanan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) serta kekerapannya sampai ke destinasi yang dituju terutama ke pusat-pusat pertandingan sukan itu nanti ... kalau boleh dalam setiap 15 minit, katanya.

Menurut Muhyiddin, Dr Mahathir juga meminta untuk ditambahkan gerabak jika perlu dan menyerahkannya kepada Keretapi Tanah Melayu untuk tindakan yang sewajarnya.

Selain itu, Perdana Menteri juga meminta agar kajian dibuat terhadap pengangkutan awam yang lain dan jika masih kekurangan, ia perlu ditambah dan perkhidmatan mereka diperhebatkan.

Trafik bandaraya dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan turut terlibat dalam kajian itu.

Menurut Muhyiddin, pada mesyuarat itu, Dr Mahathir juga diberi taklimat mengenai persiapan negara setakat ini dan beliau berpuas hati dengan perkembangannya.

Yang turut menjadi agenda pada mesyuarat itu ialah persediaan atlit, dan Dr Mahathir meminta selain daripada latihan harian, mereka perlu didedahkan kepada latihan bina semangat.

"Beliau mahukan lebih banyak sesi motivasi dijalankan di kalangan atlit dan mengarahkan Majlis Sukan Negara (MSN) untuk memperhebatkan program itu," kata Muhyiddin.

-- BERNAMA
AHA AHH